

Headline **Jangan kongsi jarum**
Date **10. Apr 2009**
Media Title **Kosmo**
Section **Kosmo 2**
Circulation **120000**
Readership **234000**

Language **MALAY**
Page No **37**
Article Size **256** cm2
Frequency **Daily**
Color **One Spot Color**
AdValue **1481.41**



APORAN Jabatan Pentadbiran Makanan dan Dadah Amerika Syarikat (FDA) menjelaskan bahawa pesakit diabetes yang menggunakan suntikan pen insulin dan katrij insulin tidak seharusnya berkongsi alat tersebut dengan pesakit lain.

Ini kerana pesakit yang menghidap HIV atau virus hepatitis boleh menjangkitkan penyakit tersebut kepada pesakit diabetes lain menerusi perkongsian alat tersebut.

Timbalan Pengarah FDA, Amy Egan memberitahu, pen insulin perlu dibekalkan kepada seorang pesakit sahaja dengan jarum yang perlu ditukar ganti.

Menurutnya, pen insulin tersebut hendaklah digunakan berulang kali oleh pesakit yang sama dan tidak boleh dikongsi dengan pesakit lain.

Sumber: FDA